



PASUKAN ragbi SK Paka III bergambar selepas perlawanan akhir Program Pembangunan Ragbi Negara di UPM, Serdang baru-baru ini.

SK Paka III mara final perlawanan ragbi KPM

SEMANGAT. Pasukan ragbi bawah 12 tahun Sekolah Kebangsaan (SK) Paka III, Terengganu berjaya mara ke peringkat akhir pada perlawanan Program Pembangunan Ragbi Negara anjuran Kementerian Pendidikan (KPM) di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor baru-baru ini.

Jurulatihnya, Syukri Halim berkata, walaupun tewas 1-0 kepada pasukan

Sekolah Changkat Jering, Perak, pasukan SK Paka III memberi tentangan hebat pada perlawanan tersebut.

"Kontinjen saya bermain dengan penuh semangat untuk meraih juara namun rezeki tidak memihak kepada kami.

"Kami berpuas hati kerana ini merupakan pencapaian tertinggi apabila pasukan dapat mara ke peringkat akhir," katanya.